

Headline **Inovasi Di Sebalik Idea Pelajar**
 Date **31. Jul 2008**
 Media Title **Utusan Malaysia**
 Section **Supplement**
 Circulation **238082**
 Readership **833287**

Language **MALAY**
 Page No **4**
 Article Size **796 cm2**
 Frequency **Daily**
 Color **Full Color**
 AdValue **11215.14**



Inovasi di sebalik idea pelajar

SELAIN memupuk minat pelajar bidang sains dan teknologi, mereka juga perlu diberi pendedahan bagaimana menggunakan kreativiti dan imaginasi mereka bentuk dan mereka cipta produk tertentu yang boleh dikomersialkan.

Dengan adanya usaha-usaha pengkomersialan, produk berkenaan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat, yang bukan sahaja meningkatkan taraf hidup mereka malah mampu memberi kekayaan kepada perekanya.

Persoalannya, adakah reka cipta tersebut mampu dikomersialkan?

Berdasarkan hasil kreativiti yang dipertontonkan pada satu pameran yang diadakan oleh Jabatan Reka Bentuk Perindustrian, Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini, pelajar tersebut mempunyai keupayaan untuk menghasilkan produk yang unik dan boleh dikomersialkan.

Meskipun tidak semuanya mampu bersaing di pasaran, pelajar terbabit yang boleh dianggap tunas muda dalam penyelidikan atau tidak keterlaluhan sebagai pelapis saintis sedia ada, wajar diberi pengiktirafan selain sokongan moral oleh universiti.

Pameran yang dikenali sebagai Degree Show Ind. 2008 merupakan acara tahunan jabatan tersebut bertujuan untuk mempamerkan hasil kreativiti dan inovasi pelajar tahun akhir dengan tema *Reka Bentuk Menerusi Kehidupan*.

Objektif utama pameran tersebut adalah untuk mempromosi produk UPM kepada industri reka bentuk dan agensi kerajaan selain memperkenalkan kepada masyarakat.

Pada pameran tersebut, seramai 43 orang pelajar yang menghasilkan kepelbagaian hasil reka bentuk sama ada produk, reka bentuk perabot, pengangkutan dan pembungkusan.

Orang kurang upaya

Antara produk yang dihasilkan ialah kenderaan khas untuk orang kurang upaya (OKU) diberi nama Kenoku yang dihasilkan oleh Tarmidzi Tajuddin, pemotong nanas (Stephani Lim), tandas mudah alih, alat mengopek durian (Mohd. Khairul Azani Sikandar Khan), meja komputer futuristik, konsep membungkus buah manggis (Zakaria Mohd. Ismail) dan motosikal polis trafik menggunakan enjin elektrik yang diberi nama Zammo ev-ZDMo1.

Inovasi lain termasuk papan luncur daripada bahan lebih tahan, alat mengupas pisang (Mohd. Zamri Mohd. Sahat), bot penyelamat Avatar (Nor Atiqah Mohd Nasir) dan pelbagai produk lain yang tidak kurang istimewanya.

Menurut Ketua Program, Hassan Ali, penerimaan reka bentuk perindustrian untuk membangunkan kehidupan dan kualiti hidup manusia telah diakui bermula awal 1980-an.

Katanya, revolusi perindustrian di England, Eropah dan Amerika Syarikat juga memberi impak besar terhadap perkembangan bidang tersebut ke

NOR ATIQAH Mohamad Nasir bersama ciptaannya bot penyelamat, Avatar.
 Gambar **ABDUL NAZIR MOHAMED**



seluruh dunia.

"Memang tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan ini disebabkan bermulanya penguasaan sains dan teknologi dalam masyarakat," ujarnya.

Apa pun, perkara yang lebih menarik ialah, selain sains menyumbang masyarakat, penyelidik atau pereka cipta wajar mendapat imbuhan sewajarnya, jika prototaip tersebut dapat dikomersialkan. - LAUPA JUNUS



MOHD. ZAMRI Mohd. Sahat bersama model motosikal kuasa elektrik.



PENSYARAH, Arnis Aziz (kanan) dan pereka, **Stephanie Lim Hooi Sze** bersama produk mengupas nanas.



TARMIDZI Tajuddin bersama prototaip *Kenoku*, kenderaan khas untuk OKU.



AZIERA Barni bersama guava tool ciptaannya.

MAKLUMAN

JIKA anda mempunyai berita menarik untuk dikongsi atau ingin memberi maklum balas, Bahagian editorial *MEGA* (Meja Hiburan, Keluarga, Wanita, Agama, Megabait dan Sains) boleh dihubungi melalui talian 03-92217055 atau e-mel: mega@utusan.com.my